

Norida
pilihan
28 OCT 1989
Wardi
M. Harian (M)



PESILAT negara, Ahmad Wardi Salim mengakhiri zaman bujangnya apabila bernikah dengan gadis pilihannya, Norida Adam, di Melaka semalam.

Pemenang pingat gangsa Sukan SEA XV di Kuala Lumpur Ogos lalu itu bertunang dengan Norida sejak dua tahun lalu.

Wardi pernah memenangi pingat emas Kelas B pada Kejuaraan Silat Dunia di Kuala Lumpur pada tahun lalu.

Menurut bapanya, Salim Kasim, kedua-dua mempelai itu bertemu ketika Norida bertugas sebagai kerani di Urusetia Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGSSNM) pada awal 1988.

Majlis perkahwinan itu akan diadakan di rumah pengantin perempuan hari ini dan enaantin lelaki, esok.



■ TANGKAS...Ahmad Wardi (kiri) bertindak pantas terhadap lawannya Mohd Riduan dari Singapura dalam Kejohanan Silat Kebangsaan baru-baru ini.

Melaka belum terima surat rasmi Pesaka

28 OCT 1989.

8. Harian (M)

MAJLIS Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGSSNM) semalam meminta Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengemukakan surat rasmi mengenai pemilihan Melaka sebagai tuan rumah kepada Kejohanan Silat Kebangsaan, bulan depan.

Yang Dipertua MGSSNM, Senator Datuk Haji Nasir Manap, berkata sehingga ini pihaknya tidak menerima sebarang surat rasmi daripada Pesaka yang membolehkan Melaka menganjurkan kejohanan itu.

Beliau memberitahu tanpa surat itu, pihaknya tidak dapat memberikan keputusan muktamad sama ada mahu menerima atau menolak pelawaan Pesaka itu.

Katanya, MGSSNM akan bermesuarat dan seterusnya

memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Melaka berhubung perkara itu jika ia menerima surat daripada Pesaka.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab kenyataan Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, yang meminta MGSSNM memberi jawapan sama ada mahu menarik diri atau masih berminat menjadi tuan rumah untuk kejohanan itu.

Dalam laporan akhbar semalam, Abdul Rahman dipetik sebagai berkata, MGSSNM perlu memberitahu secara rasmi penarikan dirinya daripada menjadi tuan rumah kejohanan yang dijadualkan bermula 24 November ini dengan segera bagi membolehkan Pesaka mencari tuan rumah lain.

— Bernama